DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

KENYATAAN MEDIA

DBKL PERLUAS PENGGUNAAN KAMERA BADAN KEPADA 305 UNIT

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperluas penggunaan kamera badan (Body Worn Camera – BWC) menerusi penambahan 200 unit generasi baharu, menjadikan jumlah keseluruhan kamera badan DBKL sebanyak 305 unit bagi meningkatkan kecekapan operasi, perlindungan anggota serta ketelusan penguatkuasaan.

Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha pemodenan penguatkuasaan DBKL bagi memastikan tindakan di lapangan dapat didokumentasikan secara sistematik dan dijadikan rujukan sekiranya timbul pertikaian atau aduan.

Penggunaan kamera badan turut membantu melindungi anggota penguat kuasa khususnya apabila rakaman sesuatu insiden yang tersebar di media sosial mungkin tidak memaparkan keseluruhan kejadian. Rakaman BWC boleh membantu menjelaskan tindakan yang telah diambil serta membolehkan sesuatu pertikaian disemak berdasarkan fakta dan bukti.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), YB Hannah Yeoh berkata, anggota yang menjalankan tugas mengikut undang-undang perlu mendapat perlindungan sewajarnya di samping memastikan setiap tindakan penguatkuasaan dilaksanakan secara adil dan bertanggungjawab.

“Kita tidak boleh membiarkan satu video pendek menentukan keseluruhan cerita. Kamera badan membantu melindungi anggota yang menjalankan tugas dengan betul dan memastikan sebarang pertikaian dapat disemak berdasarkan fakta dan bukti,” katanya ketika berucap sempena Sambutan Hari Penguatkuasa Ke-57 DBKL di Padang Kawad, Menara Penguatkuasa DBKL hari ini.

Beliau turut menegaskan bahawa penggunaan teknologi tersebut bukan sahaja membantu melindungi anggota daripada tuduhan yang tidak berasas, malah membolehkan aduan orang awam diteliti secara objektif.

Inisiatif penggunaan BWC oleh DBKL bermula pada tahun 2020 menerusi projek rintis melibatkan lima unit kamera badan sebelum diperluas dengan perolehan tambahan 100 unit pada tahun 2023.

Perolehan terbaharu pada tahun 2026 turut merangkumi sistem pengurusan kamera badan dan kemudahan penyimpanan rakaman secara berpusat bagi memudahkan pemantauan anggota di lapangan serta penyimpanan, pencarian dan semakan rakaman untuk tujuan siasatan dan pengendalian bahan bukti digital.

Sejak tahun 2024, DBKL telah menguatkuasakan arahan penggunaan kamera badan semasa tindakan khas dan operasi bersepadu. Garis panduan sedia ada kini sedang dikemas kini bagi menyesuaikan tatacara penggunaan peranti generasi baharu, penyimpanan rakaman, akses kepada bahan bukti serta pengendalian aduan orang awam.

DBKL akan terus memperluas penggunaan teknologi ini secara berperingkat mengikut keperluan operasi dengan penekanan terhadap pematuhan prosedur, disiplin dan profesionalisme anggota.

Sementara itu, seramai 555 warga kerja Jabatan Penguatkuasaan DBKL menyertai acara perbarisan sempena Sambutan Hari Penguatkuasa Ke-57 yang berlangsung di Padang Kawad, Menara Penguatkuasa DBKL.

Jabatan Penguatkuasaan DBKL yang ditubuhkan pada 15 September 1969 kini mempunyai seramai 2,016 warga kerja.

DBKL kekal komited memastikan penguatkuasaan dilaksanakan secara tegas, adil dan berlandaskan undang-undang demi menjaga kepentingan serta kesejahteraan warga Kuala Lumpur.

Unit Media
Jabatan Perancangan Korporat
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
11 November 2026
E-mel: akhbar@dbkl.gov.my